

Bil. S 5

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (Bil. 2), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 13 dari Penggal 35.
 3. Pindaan bab 15.
 4. Penggantian bab 35.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (Bil. 2), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (Bil. 2), 2008 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2008.

Pindaan bab 13 dari Penggal 35.

2. Bab 13 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1) —

- (i) dengan memotong "satu per sepuluh" dari baris ketujuh dan menggantikannya dengan "satu per lima";
- (ii) dengan memotong "1946" dari baris kesembilan dan menggantikannya dengan "2008";

(b) dalam cerai (2), dalam perenggan (a), dengan memotong "satu per lima puluh" dari baris kedua yang terakhir dan menggantikannya dengan "satu per dua puluh lima".

Pindaan bab 15.

3. Bab 15 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1) —

- (i) dalam perenggan (g), dengan memotong koma yang tertera buat kali kedua dan menggantikannya dengan "; atau";
- (ii) dengan menambah perenggan yang berikut —
"/h) bagi maksud-maksud perdagangan pengemasan hotel,";

(b) dalam cerai (2), dengan memotong ", hotel" dari baris keempat dan kelima";

(c) dalam cerai (3), dengan memotong "satu per lima puluh" dari baris ketiga terakhir dan menggantikannya dengan "satu per dua puluh lima".

Penggantian bab 35.

4. Bab 35 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Kadar cukai ke atas syarikat dan lain-lain.

35. (1) Hendaklah dikenakan dan dibayar bagi —

(a) tahun taksiran 2008 ke atas pendapatan yang boleh dicukai bagi tiap-tiap syarikat, cukai pada kadar 27.5%;

(b) tahun taksiran 2009 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya ke atas pendapatan yang boleh dicukai bagi tiap-tiap syarikat, cukai pada kadar 25.5%,

atas setiap ringgit pendapatannya yang boleh dicukai.

(2) Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang terkandung dalam Akta ini tetapi tertakluk kepada cerai (3), cukai pada kadar 15% hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas amaun kasar —

(a) mana-mana pendapatan yang disebut dalam bab 9(4); dan

(b) mana-mana pendapatan yang disebut dalam bab-bab 9(5)(a),
(b) dan (d) tetapi tidak termasuk pendapatan-pendapatan yang dinyatakan dalam cerai (6),

yang terakru di atau diperolehi dari Negara Brunei Darussalam pada atau selepas 1 haribulan Januari, 2008 oleh seseorang yang tidak bermastautin di Negara Brunei Darussalam yang tidak diperolehi oleh orang itu dari sebarang perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya yang dilaksanakan atau dijalankan olehnya di Negara Brunei Darussalam dan yang sebenarnya tidak ada kaitannya dengan mana-mana bangunan tetap orang itu di Negara Brunei Darussalam.

(3) Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang terkandung dalam Akta ini, cukai pada kadar 10% hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas amaun kasar mana-mana pendapatan yang disebut dalam bab-bab 9(5)(a) dan (b)

tetapi tidak termasuk pendapatan-pendapatan yang dinyatakan dalam cerai (6), yang terakru di atau diperolehi dari Negara Brunei Darussalam pada atau selepas 1 haribulan Januari, 2008 oleh seseorang yang tidak bermastautin di Negara Brunei Darussalam yang tidak diperolehi oleh orang itu dari sebarang perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya yang dilaksanakan atau dijalankan olehnya di Negara Brunei Darussalam dan yang sebenarnya tidak ada kaitannya dengan mana-mana bangunan tetap orang itu di Negara Brunei Darussalam.

(4) Dengan tidak menghiraukan cerai (1) tetapi tertakluk kepada cerai (5), bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya, hendaklah dikenakan dan dibayar bagi tiap-tiap tahun taksiran ke atas pendapatan yang boleh dicukai bagi tiap-tiap syarikat cukai pada kadar yang ditetapkan dalam cerai (1) atas setiap ringgit pendapatannya yang boleh dicukai kecuali bahawa —

(a) bagi setiap ringgit \$50,000 pertama pendapatan yang boleh dicukai (tidak termasuk dividen Negara Brunei Darussalam), hanya 25% sahaja boleh dikenakan cukai; dan

(b) bagi setiap ringgit \$50,000 berikutnya pendapatan yang boleh dicukai (tidak termasuk dividen Negara Brunei Darussalam), hanya 50% sahaja boleh dikenakan cukai.

(5) Dengan tidak menghiraukan cerai-cerai (1) dan (4), bagi setiap 3 tahun taksiran pertama yang termasuk di bawah atau selepas tahun taksiran 2008, bagi sesebuah syarikat berkelayakan maka hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas pendapatan yang boleh dicukai bagi syarikat itu cukai pada kadar yang ditetapkan dalam cerai (1) atas setiap ringgit pendapatannya yang boleh dicukai kecuali bahawa setiap ringgit \$100,000 pertama pendapatan yang boleh dicukai (tidak termasuk dividen Negara Brunei Darussalam) hendaklah dikecualikan dari cukai.

(6) Pendapatan-pendapatan yang tidak termasuk di bawah cerai-cerai (2)/(b) dan (3) adalah sebarang pembayaran kepada seseorang yang tidak bermastautin di Negara Brunei Darussalam bagi memberi bantuan atau perkhidmatan berhubung dengan pemakaian atau penggunaan pengetahuan atau maklumat saintifik, teknikal, perindustrian atau komersil.

(7) Dalam bab ini —

"dividen Negara Brunei Darussalam" bermakna sebarang dividen yang terakru di atau diperolehi dari Negara Brunei Darussalam yang darinya cukai dipotong atau boleh dipotong di bawah bab 36;

"3 tahun taksiran pertama", berkenaan dengan sesebuah syarikat berkelayakan, bermakna tahun taksiran berhubung dengan

tempoh asas syarikat itu diperbadankan atau didaftarkan di Negara Brunei Darussalam dan 2 tahun taksiran berturut-turut selepas tahun taksiran itu;

"amaun kasar", berkenaan dengan mana-mana pendapatan yang disebut dalam ceraian-ceraian (2), (3) dan (4), bermakna amaun penuh pendapatan tanpa sebarang potongan dan pelepasan diberikan terhadap pendapatan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini;

"syarikat berkelayakan" bermakna sesebuah syarikat yang diperbadankan dan didaftarkan di Negara Brunei Darussalam (selain dari sesebuah syarikat yang terhad dengan jaminan) yang bagi setiap 3 tahun taksiran pertama bermastautin di Negara Brunei Darussalam bagi tahun taksiran itu."

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 5 haribulan April, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM